

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.10 HINGGA NO. 58)

22 OCTOBER 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN M. KULASEGARAN

TARIKH: 22 OKTOBER 2015

SOALAN:

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengkaji dan mempertingkatkan dasar gaji minimum supaya dasar tarikan dan peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan dapat ditambahkan; dan
- (b) mengapakah ketiadaan penekanan terhadap dasar "Pekerjaan di Malaysia untuk rakyat Malaysia sahaja" (*Malaysia Jobs for Malaysians Only*) dalam pasaran kerja.

PR-1333- L70258

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Proses Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2012 telah selesai dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (JTPGN) seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) yang menetapkan supaya

kajian semula Perintah Gaji Minimum dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun. Kajian yang dilaksanakan oleh pihak JTPGN telah mengambilkira pelbagai aspek termasuk antaranya peningkatan kos sara hidup rakyat dan kemampuan majikan untuk membayar gaji.

2. Susulan daripada itu, hasil kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) dan pihak MPGN melalui Kementerian Sumber Manusia akan membawa syor berhubung kajian semula Perintah Gaji Minimum 2012 kepada Kerajaan untuk dimuktamadkan dalam tempoh terdekat.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, Dasar gaji minimum bukanlah pendekatan tunggal untuk menarik lebih ramai penyertaan tenaga kerja tempatan. Antara inisiatif lain yang dapat meningkatkan kadar upah sekaligus meningkatkan daya tarikan dan peluang pekerja tempatan ialah:

- (i) Kerajaan perlu menarik lebih banyak **foreign direct investment (FDI)** atau **domestic direct investment (DDI)** yang menyumbangkan terhadap penghasilan **high value job** dan **knowledge worker (k-worker)**. Oleh yang demikian negara perlu bersifat selektif dalam menarik pelaburan dengan tidak lagi menarik pelaburan yang berintensifkan buruh (*labour*

intensive) dan bergaji rendah (*Low Pay Employee*). Penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value job* dan *k-worker* adalah amat wajar kerana kadar upah yang tinggi dinikmati oleh golongan ini antara penyumbang terbesar dalam peningkatan peratusan kadar upah daripada KDNK seperti yang dinikmati negara maju;

- (ii) menambah **nilai kerja melalui inovasi dan kreativiti** dengan memperbanyakkan elemen automasi yang berteknologi tinggi bagi meningkatkan produktiviti pekerja di negara ini dan meningkatkan rantai pengeluaran agar dapat berdaya saing diperingkat antarabangsa;
- (iii) mengurangkan bidang pekerjaan bersifat 3D (*dirty, dangerous and difficult*) yang berkemahiran rendah (*low-skills*) **terutama di sektor pembuatan dengan mengalakkan majikan atau industri sedemikian memindahkan operasi ke luar negara.** Langkah ini perlu diambil kerana pekerja asing tidak mahir yang bergaji rendah adalah antara penyumbang terhadap peratusan kadar upah yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kebanyakan pekerja asing yang diambil ini tertumpu dalam bidang pekerjaan 3D (*Dirty, Dangerous & Difficult*) yang tidak diceburi oleh pekerja tempatan dan pergantungan ekonomi negara kepada

buruh asing, terutamanya dalam sektor pembuatan, pembinaan dan pertanian memang tidak dapat dielakkan. Namun, Kerajaan sentiasa berusaha dalam memastikan pekerja tempatan tidak dipinggirkan dan dinafikan hak mereka untuk bekerja di dalam sektor-sektor ini.

5. Bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan menggalakkan pekerja tempatan untuk bekerja di sektor-sektor ini, Kerajaan telah merangka beberapa langkah seperti berikut :

i. **Program Penempatan Pekerjaan**

Mengadakan Program Penempatan Pekerjaan (3P) di tempat-tempat dimana ramai tenaga kerja yang boleh didaftar dan ditemuduga oleh majikan-majikan yang menyertai program 3P. Program ini adalah dikhususkan kepada para pekerja tempatan dan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

ii. **Automasi**

Di sektor perladangan, Kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi automasi seperti mesin cantas, alat pembungkusan secara mekanikal dan struktur jaring kalis serangga untuk aktiviti pembungkusan buah;

iii. **Sistem Self Service**

Di sektor perkhidmatan, penggunaan mesin mencuci pinggan mangkuk di restoran dan sistem self service di restoran dan pam minyak telah mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing;

iv. **Industrial Building System (IBS)**

Di sektor pembinaan, penggunaan teknologi berasaskan Industrial Building System (IBS) digalakkan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh asing;

v. **Meningkatkan Bayaran Upah**

KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mengadakan rundingan dengan majikan supaya bayaran upah yang lebih tinggi dan lain-lain kemudahan ditawarkan kepada pekerja sebagai tarikan kepada pekerja tempatan;

vi. **Penempatan Industri Pembuatan Dan Perkilangan**

Penempatan industri pembuatan dan perkilangan di kawasan-kawasan yang mempunyai ramai tenaga kerja dan kadar pengangguran yang tinggi seperti di luar bandar bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja dalam sektor perkilangan dan pembuatan dan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing;

vii. ***Latent Workforce***

Program ini adalah merupakan suatu galakan kepada golongan suri rumah, ibu tunggal, pesara, orang kurang upaya dan pelajar institusi pengajian tinggi yang boleh bekerja secara separa masa. Majikan digalakkan untuk mengambil *latent workforce* bagi memberi peluang pekerjaan serta mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan memperbanyakkan program *home working*;

viii. Memastikan bekalan pekerja asing adalah mengikut keperluan industri sahaja

Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri memastikan prosedur pengambilan pekerja asing dibuat hanya setelah peluang pekerjaan tersebut ditawarkan kepada pekerja tempatan. Sebelum permohonan pengambilan pekerja asing dibuat, majikan perlu mendapatkan perakuan daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) yang mengesahkan bahawa majikan telah menggunakan perkhidmatan Jobs Malaysia untuk mendapatkan pekerja tempatan. Permohonan pengambilan pekerja asing tanpa surat perakuan dari JTKSM tidak akan diproses. Majikan akan hanya dibenarkan untuk mengambil pekerja asing sekiranya tiada pekerja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Pelaksanaan gaji minimum juga dapat mengurangkan kebergantungan majikan kepada pekerja asing. Memandangkan gaji minimum adalah terpakai sama kepada pekerja asing, majikan-majikan adalah digalakkan untuk mencari ikhtiar bagi "automate" dan "mechanise" proses kerja di syarikat supaya kebergantungan kepada tenaga fizikal pekerja asing dapat dikurangkan. Dalam jangka masa panjang, majikan-majikan perlu mentransformasikan modal perniagaan mereka dan juga struktur gaji pekerja-pekerja supaya kos operasi susulan pelaksanaan gaji minimum dapat dikurangkan.

Kerajaan berharap melalui program-program jangka pendek dan jangka panjang yang diadakan, kebergantungan kepada tenaga kerja asing dapat dikurangkan.